



# REMAJA AUTISME UMPAMA GEMERLAP BINTANG DI LANGIT MALAM

Oleh Mohd Hafizi Ahmad

**S**EKIRANYA anda peminat aktor tersohor India, Aamir Khan, pastinya anda mengingati filemnya yang ditayangkan pada tahun 2007,


*Taare Zameen Par*, yang mengangkat isu kanak-kanak istimewa yang menghidap penyakit disleksia. Disleksia merupakan gangguan dalam pembelajaran yang biasanya dialami oleh kanak-kanak. Amir Khan cuba menyampaikan mesej bahawa di sebalik gangguan yang dialami oleh watak Ishaan, budak lelaki yang berusia lapan tahun, terserlah bakat melukis yang amat mengagumkan oleh kanak-kanak istimewa tersebut.

Kehebatan Ishan dalam filem tersebut sebenarnya persis dengan kisah benar yang dialami oleh insan berbakat besar, Wan Jamilla Wan Shaiful Bahri, atau lebih mesra disapa dengan panggilan Jamila. Gadis istimewa ini dilahirkan pada 13 Jun 2002. Saya berkesempatan melihat koleksi lukisannya dengan mata sendiri, yang dipamerkan di ruang khas di kediaman keluarganya di Shah Alam. Maha Suci Allah yang menganugerahkan bakat kepada Jamilla yang mampu untuk menghasilkan lukisan naif yang amat cantik dan menarik yang memukau

setiap mata yang memandangnya. Saya mengambil sedikit masa untuk meneliti setiap hasil seninya dengan lebih dekat. Rata-ratanya setiap hasil karyanya berbeza antara satu dengan yang lain bersama-sama kombinasi warna yang sangat unik.

Dengan sedikit masa yang terluang, saya mencari kelibat Jamila dan selang beberapa ketika, dia keluar ke ruang tamu dan menyambut kami dengan sekuntum senyuman. Ibunya, Ar. Noorhashimah Mohamed Noordin, amat mengambil berat tentang keadaan anaknya itu dan memaklumkan bahawa aktiviti Jamila hari ini agak padat kerana dia perlu menyiapkan satu lukisan yang

akan dipamerkan dalam pameran di ibu kota. Selepas beberapa ketika, Ar. Noorhashimah mula menceritakan sejarah "keajaiban" yang dimiliki oleh anak perempuannya itu. Menurutnya, sejak lahir, masalah autisme Jamila tidak begitu ketara sehingga umurnya empat tahun apabila Jamila asyik melukis wajah tangisan dan makanan yang digemari, tanpa mengeluarkan sepele kata. Pada ketika itulah, Jamila disahkan menghidap autisme, iaitu sejenis gangguan psikiatri atau gangguan perkembangan yang mengakibatkan masalah dalam komunikasi dan kemahiran sosial. Ar. Noorhashimah tidak pernah menyalahkan takdir



Mural yang dinamakan *Mermaids* ini dihasilkan oleh Jamila.



Jamila (kiri) bersama-sama ibunya, Ar. Noorhashimah Mohamed Noordin.

walaupun berasa amat berat untuk melunaskan tanggungjawab sebagai ibu yang membesarkan seorang anak autisme.

Namun demikian, benar kata pepatah, kasihnya ibu membawa ke syurga dan pengorbanan ibu tidak mampu dibalas dengan emas permata. Apabila Ar. Noorhashimah menyedari bakat Jamila dalam bidang lukisan, sebagai ibu, dia harus percaya sepenuhnya pada kebolehan anaknya itu. Tidak perlu baginya memaksa Jamila untuk meneruskan apa-apa yang tidak disukainya pada saat dia mempunyai keistimewaan yang dianugerahkan oleh Allah hanya kepada insan yang terpilih. Pada kali ini, Ar. Noorhashimah tidak lagi menoleh ke belakang. Baginya, kehidupan perlu diteruskan dengan apa-apa yang ada. Jika kita berkehendakkan sesuatu, kita perlu berikhtiar untuk mendapatkannya dan tidak menyerahkan bulat-bulat kepada takdir tanpa sebarang usaha.

Pada peringkat awal, dia tidak menyedari bahawa anaknya itu mempunyai bakat dalam lukisan dan hanya mengesan anaknya itu mengalami kesukaran dalam komunikasi dan hubungan sosial dengan masyarakat di sekelilingnya. Bakat lukisan anaknya itu hanya disedari olehnya apabila Jamila menginjak usia tujuh tahun. Setiap kali pulang dari sekolah, dia mendapati bahawa buku sekolah milik Jamila penuh dengan contengan. Namun demikian, setiap contengan itu berbeza dan menceritakan sesuatu. Setelah mengamati beberapa contengan tersebut, dia mula menyedari bahawa setiap contengan itu menggambarkan situasi duka Jamila di sekolah. Oleh hal yang demikian, dia terpaksa memantau persekolahan anak kesayangannya itu sehingga terpaksa mengikutnya ke sekolah dan membantunya menyalin kerja sekolah kerana anaknya itu tidak berminat untuk mengikuti pembelajaran di sekolah.

Perkara ini berlarutan sehingga Jamila berusia 10 tahun apabila Ar. Noorhashimah melihat "contengan" yang dihasilkan oleh Jamila mula menggambarkan suasana gembira. Selain itu, Jamila juga mula menunjukkan minat terhadap penghasilan lukisan dengan menggunakan aplikasi digital. Jamila mampu untuk menghasilkan ribuan lukisan hanya dengan menggunakan hujung jarinya melalui aplikasi digital yang dimuat turunnya menerusi peranti miliknya. Lukisan yang dihasilkan oleh Jamila amat baik dan hampir menyerupai gaya lukisannya yang dihasilkan di atas kertas.



Jamila bersama-sama koleksi lukisannya.



Koleksi lukisan Jamila yang terdapat di rumahnya.

Penulis (kiri) bersama-sama Jamila.



Sejak detik itu, Ar. Noorhashimah nekad untuk memupuk minat anaknya itu dalam bidang lukisan dengan mengajarnya sendiri seni lukisan di rumah secara konsisten ketika umurnya 10 tahun pada tahun 2012. Pada bulan Disember 2015, Ar. Noorhashimah mengambil keputusan yang drastik dalam hidupnya dengan berhenti kerja sebagai pensyarah di institut pengajian awam di Malaysia untuk memberikan perhatian khusus kepada anaknya yang semakin menunjukkan bakat dalam bidang lukisan dengan bantuan artis tempatan. Dia mula mendapatkan bantuan daripada pelukis tempatan, untuk memberkani input teknikal berkenaan seni halus kepada mereka berdua. Dengan cara ini, Ar. Noorhashimah dapat membimbing

Jamila pada setiap hari dalam bidang sen ilukis dan mengasah bakat anaknya bagi memastikan bakat itu mampu digilap sehingga mencapai tahap yang lebih tinggi. Jamila berjaya menjadi artis semasa usianya 14 tahun.

Untuk mencapai tahap sekarang, masyarakat umum tidak mengetahui bahawa Ar. Noorhashimah bergelut dengan kesakitan melawan kanser usus selain usahanya yang cekal untuk membesarkan Jamila dengan penuh perhatian dan kasih sayang. Kini dia mampu berbangga dengan pencapaian Jamila yang merupakan anak keempat daripada lima orang anaknya. Jamila amat dikenali dengan lukisan *Triple Erato* atau *3 Ladies*, lukisan tiga orang wanita yang berambut panjang yang menyerupai watak Repunzel. Selain itu,

selain melukis, Jamila juga berbakat dalam tari dan dia pernah melukis gerakan tariannya. Hal ini amat menarik dan menunjukkan bahawa Jamila amat peka dengan keadaan sekelilingnya dan akan merakamkan setiap detik yang bermakna bagi dirinya dalam bentuk lukisan.

Kini Jamila semakin dikenali. Dia merupakan permata yang sedang dicanai untuk menjadi artis seni yang gilang pada masa hadapan. Menurut kenalan rapat keluarga Ar. Noorhashimah, Ustaz Khairul Azman, guru yang pernah mengajar di sekolah tempat Jamila belajar, iaitu Sekolah Menengah Seksyen 9 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, dia mula mengenali Jamila bukan dengan cara bersua muka dan bertentang mata dengannya, tetapi melalui hasil karya seni Jamila. Ustaz Khairul mula melihat mural yang dihasilkan oleh Jamila di sekolah tempatnya mengajar melalui paparan Facebook milik Ar. Noorhashimah yang amat menarik hati dan perhatiannya sehingga membuatkan dia nekad untuk mencari Ar. Noorhashimah bagi mengetahui kisah di sebalik lukisan tersebut. Hal ini telah menjadi tular dan sejak itu, Jamila mula dikenali oleh pengguna laman sosial.

Kini mereka saling menyanjung hasil karya masing-masing sementara Ustaz Khairul juga pelukis profesional dan



Fish Mosaic.

pencinta seni yang sedang menempa nama di arena penerbitan buku kanak-kanak di Malaysia. Karya seni Jamila makin berkembang dan dia mula menempa nama bukan sahaja di dalam negara tetapi mula mengintai peluang di persada antarabangsa. Dia telah mendapat liputan dalam akhbar utama di dalam negara yang menceritakan keistimewaan dan bakat semula jadi yang dimilikinya.

Jamila juga kerap terlibat dalam liputan langsung siaran televisyen seperti siaran TV9 pada 26 Mac 2017, sesi lukisan secara langsung di RTM 1 bertemakan merdeka pada 11 Julai 2017 dan slot Malaysia Hari Ini (MHI, TV3) pada 8 Januari 2018. Berdasarkan rekod pencapaian yang dimiliki oleh Jamila pula, dia telah memenangi pertandingan mingguan melukis poster di Galeri Seni Negara, Kuala Lumpur, dengan lukisan berjudul *Negarakupada* 29 Julai 2017. Selain itu, dia juga telah berpeluang untuk mempamerkan koleksi lukisan terpilihnya dalam pameran di Hotel Concore Shah Alam yang turut dihadiri oleh Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah pada 21 April 2017. Sebanyak 34 lukisan asal Jamila telah terjual sejak Mac 2017 hingga Februari 2018 dan kebanyakan lukisannya dijual kepada hotel antarabangsa bertaraf lima bintang dan ahli korporat terkemuka di Malaysia.


Pada jendela tahun 2018, jalur seni Jamila diteruskan dengan jayanya dengan dilantik sebagai Hulo Artis bagi tempoh 2 Februari 2018 hingga 2 Februari 2019 bagi Hulo Hotel & Art Galeri, di samping mengadakan pameran solo di tempat yang dari

21 April 2018 hingga 13 Mei 2018. Lukisan Jamila juga dipamerkan di MATRADE Exhibition and Convention Centre (MECC) Kuala Lumpur bermula pada 8 Mac 2018 hingga 11 Mac 2018. Sementara itu, Ar. Noorhashimah tidak hanya mengurus perjalanan seni anaknya tetapi juga aktif dengan forum dan seminar tentang anak autisme untuk berkongsi kisah dan kaedah bagi menangani anak autisme. Antaranya termasuklah seminar "Perjalananku dengan Autisme" dengan kerjasama Manipal Hospital Klang dan Forum Antarabangsa Montessori Malaysia .

Daripada secebis kisah Jamila ini, dapatlah disimpulkan bahawa setiap ciptaan Allah mempunyai keistimewaan dan kehebatannya sendiri. Yang perlu kita lakukan ialah berusaha untuk mencari dan mencungkil keistimewaan tersebut dengan mata hati bagi melihat hasilnya dengan mata kasar kerana Allah berfirman dalam Surah At-Tin yang bermaksud, "Sesungguhnyalah Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkeleengkapan sesuai dengan keadaannya)." Yang dapat dirumuskan ialah kejayaan seseorang anak amat berhubung kait dengan kasih sayang dan perhatian ibu tanpa menafikan peranan anggota keluarga yang lain. Luahan sesuatu perasaan tidak hanya dapat difahami dan diselami dengan ungkapan dan kata semata-mata, tetapi juga dengan lakaran dan garisan yang bercantum untuk membentuk lukisan berseni dan bermotif.

Selepas ini, lukisan Jamila, seperti *Three Ladies*, *Kebaya Girls*, *Repunzel* dan *Merdeka (Unity in Diversity)*, akan

membawa nama seorang pelukis yang mempunyai bakat istimewa merentas sempadan seni antarabangsa yang bercirikan keharmonian, perpaduan dan kasih sayang. Langkahnya baru sahaja bermula dan selepas ini, kita dapat menjangkakan lebih banyak lagi karya hebat yang akan dihasilkan oleh Jamila dengan bimbingan berterusan daripada ibunya dan juga guru yang terdiri daripada barisan pelukis profesional. Kejayaan ini diharap mampu untuk menjadi pemangkin kepada insan lain, terutama keluarga yang mempunyai anak autisme, untuk membimbing zuriat mereka yang merupakan amanah Allah dengan memberikan sokongan yang penuh dan mencari kekuatan dan kelebihan anak mereka tanpa melihat kekurangannya. Tidak mustahil jika pada suatu hari nanti, Jamila mampu untuk mengharumkan nama negara melalui bakat istimewanya pada peringkat antarabangsa.

Dialog yang diungkapkan oleh Aamir Khan dalam *Taare Zameen Par* bermaksud, "... apa-apa sahaja yang kita lihat, yang kita percaya sesuatu itu ada di situ ... dan apa-apa sahaja yang tidak kita lihat, kita percaya sesuatu itu tidak berada di situ. Namun demikian, kadang-kadang apa-apa sahaja yang kita lihat tidak berada di situ dan apa-apa sahaja yang tidak kita lihat sebenarnya berada di situ." Kehebatan melukis yang dilakukannya melalui watak Ishann dalam filem tersebut dapat dilihat di dunia realiti dengan keistimewaan yang dimiliki oleh Jamila. Keistimewaan itu anugerah daripada Allah kepada insan yang terpilih bagi membezakan sesuatu keadaan yang sering dimiliki dan dilalui oleh banyak insan. Sudah tentunya keistimewaan hanya didapati dan diketahui dengan cara menghayatinya dan berusaha tanpa henti umpama mencari gemerlap bintang di langit malam. 



Antara lukisan Jamila yang telah terjual.